

# Pembangunan pendidikan ikut acuan tersendiri

8 HARIAN 4 JAN 2016 (RENCANA) M/s 31

Usaha jadikan IPT di Malaysia hab pendidikan di persada antarabangsa

**P**elan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) (PPPMT) adalah suatu dokumen yang menggariskan kehendak dan keperluan yang perlu dipenuhi dan dicapai dalam menjadikan pelanggan utama kepada sesebuah institusi pengajian tinggi antaranya supaya pelajar menjadi graduan yang bersifat holistik, seimbang dan berminda berkeusahawanan.

Pelan yang dirancang bukanlah suatu dokumen yang disediakan hanya dengan perbincangan dalam masa beberapa hari atau minggu malah sudah melalui pelbagai sesi pemurnian dan penरणan awal bagi memantapkan isi kandungan teras pelan berkenaan bersama dengan pelbagai pihak dan lapisan pemegang taruh.

Usaha ini adalah kesinambungan dan penरणan kepada kepada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPIN) yang menggariskan tujuh teras antaranya adalah meluaskan akses dan meningkatkan ekuiti, menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, memperteguh penyelidikan dan inovasi, memperkasa institusi pengajian tinggi, mempergiatkan pengantarabangsaan, membudayakan pembelajaran sepanjang hayat dan mengukuhkan sistem penyampaian Kementerian Pendidikan Tinggi.

Selaras dengan Pelan Pendidikan Malaysia (Malaysia Education Blueprint), pelan ini dirangka dalam tempoh tertentu bagi menggariskan apakah elemen yang perlu dicapai dan melihat keberhasilan penunjuk yang dirancang dalam jangka masa yang ditetapkan.

## Lonjakan nafas baharu

Dengan kata lain, pelan ini seolah-olah memberikan nafas baharu dalam memberikan lonjakan kepada peningkatan kualiti pendidikan di Malaysia.

Seperti pelan atau model kecemerlangan prestasi yang menggariskan pemboleh ubah - pemboleh ubah tertentu yang penting atau pun kritikal dalam mencapai kecemerlangan organisasi, begitulah pelan pendidikan pengajian tinggi ini.

Mungkin bagi sesetengah pihak, pelan ini adalah suatu retorik semata, namun usaha murni yang dibuat per-

lu dinilai dan diperhalusi bagi membentuk dan merencana sektor pengajian tinggi ke satu tahap yang membanggakan dan setaraf dengan institusi pengajian tinggi di luar negara.

Umpama sasaran kita dalam melaksanakan dan mencapai objektif dalam sesuatu pekerjaan, pelan ini adalah suatu usaha bagi pihak pemegang taruh khususnya pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan IPT dalam mengorak langkah dengan lebih laju lagi di samping menjadikan IPT di Malaysia sebagai satu hab pendidikan bukan sahaja pada peringkat serantau malah di persada antarabangsa.

Dalam konteks pendidikan, secara umumnya, kita perlu melihat dengan lebih telus dan mendalam apakah yang kita kehendaki dan perlu capai dalam menjadikan sesebuah IPT itu bukan sahaja tersohor atau gah dek kerana pembangunan fizikalnya malah aspek bukan zahir yang perlu dititikberatkan.

## Pembelajaran sepanjang hayat

Penekanan utama antaranya juga adalah dalam menggalakkan usaha pembelajaran sepanjang hayat atau *lifelong learning* yang sentiasa meniti di bibir setiap orang sepatutnya tidak terhenti pada satu-satu tahap pendidikan sahaja, walhal ianya perlu dijadikan satu budaya yang perlu meresapi dalam kalangan rakyat untuk mendapatkan ilmu melalui pelbagai cara dan kaedah.

Pembelajaran sepanjang hayat dapat mendidik kita dalam meletakkan dan memposisikan ilmu di tempat yang tinggi dan berusaha memahami dan mempraktikkannya dalam kehidupan seharian.

Pendek kata, pelan pengajian tinggi ini adalah suatu pelan tindakan yang menyeluruh dalam usaha mentransformasikan sektor pengajian tinggi khususnya universiti awam di Malaysia.

Dengan 10 lonjakan yang digariskan, iaitu graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, kecermerlangan bakat, menghayati pembelajaran sepanjang hayat, graduan TVET berkualiti, kemampuan kewangan, pemantapan tadbir urus, ekosistem inovasi, keunggulan global, pembelajaran dalam talian tahap global dan transformasi penyampaian pendidikan tinggi, maka pelan ini dilihat sebagai suatu program yang menyeluruh dan sesuai dalam masa sedekad mendepani cabaran dan merealisasikan lonjakan yang digariskan dalam membentuk hala tuju universiti awam.



## Penulis

ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains & Teknologi Industri, Universiti Malaysia Pahang



DR MOHD RASHID  
AB HAMID

rashid@ump.edu.my